

# Pemilik gerai bakal hadapi tiga tuduhan

AGENSI Sekitaran Kebangsaan (NEA) akan mengambil tindakan undang-undang ke atas pemegang lesen gerai Rojak Geylang Serai, Sheik Allaudin Mohideen.

Keputusan itu diambil setelah NEA bersama-sama Pejabat Peguam Negara menyemak penemuan yang dibuat oleh Koroner Negara.

NEA berkata, Sheikh Allaudin akan menghadapi tiga tuduhan.

Sheikh Allaudin bakal didakwa menjual makanan yang tidak sesuai dimakan oleh manusia di gerainya di bawah Akta Penjualan Makanan.

Bagi tuduhan lain di bawah Peraturan Kesihatan Awam Sekitaran (Kebersihan Makanan) pula, dia menghadapi dua tuduhan.

Tuduhan itu adalah dia gagal untuk melaksanakan kebersihan papan pemotong dan gagal untuk memastikan peralatan (dulang peti ais) bersih.

Menurut NEA lagi, kesnya akan didengar pada 11 Mei ini.

NEA juga berkata pihaknya tidak akan mengambil tindakan undang-undang ke atas para pembantu gerai.

Namun mereka boleh memulakan tugas sebagai pengendali makanan setelah mengambil semula Kursus Kebersihan Asas Makanan dan pihak NEA berpuas hati dengan keperluan-keperluan kursus tersebut.

Awal daripada ini, Mahkamah Koroner memutuskan bahawa kematian dua wanita pada April tahun lalu setelah makan rojak India yang dibeli daripada sebuah gerai di Pasar Sementara Geylang Serai sebagai "satu kecelakaan".

Kedua wanita itu, Allahyarhamha Aminah Samijo dan Allahyarhamha Norani Kassim, meninggal dunia selang dua hari antara satu dengan lain (pada 6 dan 8 April 2009) setelah makan rojak daripada gerai milik Encik Sheik Allaudin Mohideen, 70 tahun.

Semasa menyampaikan keputusannya, Koroner Negara, Encik Victor Yeo, berkata walaupun beliau sangsi akan tahap kebersihan gerai tersebut dan amalan kebersihan para pengendali gerai itu, beliau bagaimanapun berpuas hati daripada bukti yang dikemukakan kepadanya, kejadian keracunan makanan itu bukanlah sesuatu yang disengajakan.